

PENJENAMAAN SEMULA

AHAM CAPITAL

S O A L A N L A Z I M

Dibina Atas Kepercayaan

aham.com.my



PENJENAMAAN SEMULA SOALAN LAZIM

Affin Hwang Asset Management Berhad kini dikenali sebagai AHAM Asset Management Berhad (“**AHAM Capital**” atau “syarikat”)

Kakitangan kami, nilai-nilai kami dan pendirian kami tidak berubah:
kepentingan pelanggan kami terus diutamakan.

Mengapa kami melaksanakan penjenamaan semula?

- Memberi nafas baharu kepada imej dan jenama syarikat selepas 20 tahun.
- Memantapkan kedudukan strategik syarikat untuk fasa pertumbuhan seterusnya.
- Mengukuhkan komitmen kami kepada pelanggan untuk membina kepercayaan.

SOALAN

01

Mengapakah penjenamaan semula ini dilakukan?

Dengan selesainya pemerolehan syarikat oleh CVC Capital Partners (CVC) pada 29 Julai 2022, syarikat telah dijenamakan semula untuk mengukuhkan kedudukan jenama sebagai rakan membina kekayaan yang dipercayai di samping menempa identiti tersendiri sebagai firma pengurusan aset dan kekayaan yang diuruskan secara bebas.

Selepas 20 tahun mencatatkan pertumbuhan berterusan yang menyaksikan syarikat berjaya menambah jumlah Aset Di Bawah Pentadbiran (“AUA”) daripada RM20 juta pada 2001 kepada RM75 bilion (setakat 31 Julai 2022), penjenamaan semula ini bakal mengukuhkan imej dan memantapkan kedudukannya secara strategik bagi fasa pertumbuhan yang seterusnya.

Oleh itu, nama dan logo korporat baharu dihasilkan untuk mencerminkan cita-cita

baharu syarikat menerusi tiga (3) tunggak pertumbuhan strategik:

- i. Membangunkan sebuah platform kekayaan persendirian yang terkemuka;
- ii. Membina DNA inovasi digital bagi menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan; dan
- iii. Meluaskan jejak digital, dengan meneroka rantau ASEAN.

Strategi ini dibina berasaskan daya keusahawanan yang sama seperti pada masa syarikat ditubuhkan dan jenama baharu ini bertujuan mencakupi tiga strategi yang digariskan di atas.

Proses strategik ini akan membina jenama yang berupaya untuk melambangkan kekayaan, dan pada masa yang sama cukup dinamik untuk mencerminkan inovasi dan menarik khalayak umum di seluruh rantau ASEAN.

Identiti jenama baharu kami, iaitu AHAM Capital melambangkan kesinambungan perjalanan syarikat selepas 20 tahun menerusi tahap tumpuan dan kejelasan yang lebih nyata.

Berbekalkan kekuatan ekuiti jenama positif bagi keupayaan pengurusan aset kami, nama ringkas ini mudah dikenali oleh pelanggan dan rakan niaga sedia ada, tetapi juga mencerminkan transformasi syarikat menjadi jenama yang moden dan dinamik dengan daya tarikan universal.

Dalam dunia digital dan global yang pantas berkembang ini, sesungguhnya jenama kami juga perlu berupaya merentasi sempadan digital dan antarabangsa untuk mencapai segmen pasaran dan khalayak baharu.

AHAM Capital akan memberi kami identiti yang tersendiri untuk menyokong cita-cita kami menerusi jenama yang pada asasnya bersifat neutral dan boleh diangkat ke persada antarabangsa dan tangkas dari segi digital.

02

Apakah maksud jenama baharu dan apakah yang dilambangkannya?

03

Apakah maksud logo baharu ini?



Menggabungkan tradisi dan kemodenan, imej jenama kami yang diberi nafas baharu terus membina kecemerlangan warisan kami, selain mencerminkan evolusi syarikat.

Bertaut erat antara satu sama lain, gelung infiniti melambangkan jalinan nilai, misi dan prinsip syarikat untuk memacu fasa pertumbuhan yang baharu.

Gelung infiniti ini juga melambangkan hubungan kukuh yang tidak terlerai dengan mengaitkan pihak-pihak berkepentingan utama syarikat, iaitu pelanggan, pemegang saham, kakitangan dan komuniti di tempat kami beroperasi.

Memaparkan pergerakan berterusan, simbol ini juga mencerminkan semangat kembara syarikat untuk terus memelopori inovasi dan meneroka sempadan baharu sejajar dengan daya keusahawanannya.

Logo baharu ini menggunakan rupa huruf yang berani, kontemporari dan mesra digital.

Merah berkait rapat dengan api, tenaga dan kesungguhan, manakala hitam melambangkan keanggunan dan kekayaan. Dua warna ini digabungkan untuk menyerlahkan kuasa dan kewibawaan kepada khalayak umum, di samping bersifat kontemporari dan dinamik.

04

Logo ini kelihatan seperti bintang. Apakah kepentingan simbol bintang?

Simbol bintang memberi penghormatan kepada tempat syarikat ini diasaskan, iaitu di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, yang merupakan lokasi ibu pejabat pertamanya.

Bintang juga satu lambang kebangsaan yang jelas dilihat pada bendera dan jata negara. Sebagai pengurus aset tempatan yang telah menempa nama, simbol ini menjadi identiti negara dan kepelbagaian bangsa sambil syarikat mengorak langkah di peringkat global.

Bintang juga digunakan sebagai penunjuk arah dalam pelayaran yang membolehkan pelayar sepanjang zaman mengharungi lautan bergelora dengan selamat, sekali gus

menekankan komitmen kukuh syarikat kepada pelanggan untuk menguruskan kekayaan mereka dalam kitaran ekonomi / pasaran berbeza sebagai rakan pengurusan kekayaan yang dipercayai.

Simbol ini juga melambangkan kepercayaan syarikat untuk mengasah bakat-bakat terbaik dan memupuk kerjasama sepasukan dalam kalangan kakitangannya, lantas melahirkan sekumpulan bintang yang menyerlahkan syarikat. Bintang juga satu simbol kecemerlangan, mencerminkan aspirasi untuk mencapai kecemerlangan dan menyediakan perkhidmatan unggul – yang merupakan teras falsafah syarikat dalam segala yang dilakukannya.

Ya. Kelulusan telah diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menukar nama semua dana yang diuruskan oleh AHAM Capital.

Semua dana yang dimulakan dengan nama 'Affin Hwang' kini akan menggunakan singkatan 'AHAM'. Sebagai contoh, Affin Hwang Select Income Fund akan ditukar namanya kepada AHAM Select Income Fund.

Proses pertukaran nama dana kini dilakukan secara berkelompok dan maklumat terkini akan disampaikan menerusi saluran komunikasi rasmi kami.

05

Adakah nama dana akan berubah?

06

Bagaimanakah pengambilalihan oleh CVC dijangka membawa manfaat kepada AHAM Capital dan para pelaburnya?

Pengambilalihan oleh CVC Capital Partners (CVC), yang merupakan firma khidmat nasihat pelaburan dan ekuiti persendirian global terkemuka, akan menyediakan platform yang kukuh untuk kami berkembang maju dan meluaskan perniagaan ke peringkat yang seterusnya.

CVC akan menyokong pertumbuhan dan pembangunan AHAM Capital dalam bidang-bidang tumpuan berikut untuk membolehkan kami memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan:-

- Inovasi produk dan pengembangan saluran
- Pengembangan serantau dan pembangunan pasaran modal
- Pengdigitalan dan pengupayaan digital
- Meluaskan tawaran produk pengurusan dana patuh Syariah

07

Apakah struktur pegangan saham baharu syarikat?

Pada 29 Julai 2022, CVC Capital Partners (“CVC”) merupakan firma khidmat nasihat pelaburan dan ekuiti persendirian global memperoleh kepentingan kawalan kira-kira 68.35% dalam AHAM Capital menerusi dana ekuiti persendirian, iaitu CVC Capital Partners Asia V yang diuruskan oleh CVC. Starlight Asset Sdn Bhd berperanan sebagai entiti pegangan pelaburan bagi pelaburan CVC ke dalam AHAM Capital.

Nikko Asset Management International Limited, yang telah menjadi pemegang saham sejak 2011 terus komited kepada pertumbuhan jangka panjang AHAM Capital dan kekal memegang kepentingan 27.0% dalam syarikat.

Baki 4.65% dipegang secara tidak langsung oleh kakitangan pengurusan kanan AHAM Capital.



08

Apakah kesan penjenamaan semula ini terhadap para pengedar dan perunding?

Syarikat melihat usaha penjenamaan semula ini sebagai peluang untuk bekerjasama rapat dengan rakan-rakan kerjasama kami untuk menampilkan imej jenama yang diperbaharui yang unik dan tersendiri.

Syarikat ini yakin bahawa jenama baharu ini akan meniup nafas baharu kepada perniagaan yang akan membolehkan syarikat menceburi segmen pasaran baharu sebagai pengurus aset dan kekayaan yang dipercayai untuk pelanggan yang universal.

Penjenamaan semula ini tidak dalam apa jua menjejaskan hubungan di sisi undang-undang atau perniagaan kita dengan rakan-rakan kerjasama kami termasuk segala kontrak atau perjanjian undang-undang sedia ada. Pihak pengurusan kanan Syarikat juga tidak berubah, dan tiada kesan ketara terhadap pengurusan harian operasi kami.

09

Apakah maksud penjenamaan semula ini kepada pelanggan?

Syarikat melihat usaha penjenamaan semula ini sebagai satu peluang untuk memberi penekanan dan tumpuan semula kepada tawaran nilai teras kepada pelanggan sejak syarikat mula diasaskan:

- Tujuan syarikat adalah tetap dan nyata. Syarikat bertekad untuk melindungi dan mengembangkan kekayaan pelanggan dengan cara yang lestari supaya mereka boleh mencapai matlamat kewangan dan mencapai kebebasan kewangan.
- Kakitangan, nilai syarikat dan pendiriannya tetap tidak berubah. Kepentingan pelanggan terus menjadi keutamaan dalam segala yang kami lakukan.
- Syarikat terus mengekalkan tumpuan terhadap pelanggan sambil berusaha menambah baik dan mempelopori inovasi untuk memenuhi keperluan dalam persekitaran kewangan yang sentiasa berubah dan bersifat global.

Penyelesaian pelaburan Syariah syarikat akan terus diuruskan dan dikendalikan menerusi anak syarikat milik penuh dan cabang pelaburan Islamnya, AIIMAN Asset Management ("AIIMAN").

Jenama dan logo AIIMAN tetap tidak berubah.

10

Bagaimana proses penjenamaan semula mempengaruhi AIIMAN Asset Management?

11

Adakah butiran akaun bank/penerima yang kami gunakan akan berubah?

Semua cek / bayaran hendaklah dikeluarkan dan ditulis atas nama AHAM Asset Management Berhad.

Untuk maklumat lanjut, klik pautan di bawah atau imbas kod QR untuk butiran akaun pembayaran pelaburan.

Pautan

<https://aham-my.com/Investment-Payment-Details>



12

Adakah terdapat alamat e-mel baharu untuk menghubungi kakitangan syarikat?

Alamat e-mel syarikat kini telah ditukar kepada format/domain berikut, `firstname.surname@aham.com.my`

Di samping itu, sila hubungi Pasukan Khidmat Pelanggan menerusi maklumat hubungan di bawah atau imbas kod QR untuk membuat janji temu.

Perkhidmatan Pelanggan



1 800 88 7080 (Malaysia)



`customercare@aham.com.my`



+6012-606 8685

Buat Janji Temu



Alamat perniagaan / surat-menyurat syarikat tetap sama:-

AHAM Asset Management Berhad
Ground Floor,
Menara Boustead,
69 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

Sila kunjungi pautan di bawah atau imbas kod QR untuk melihat pejabat jualan dan cawangan serantau lain.

Pautan

<https://aham.com.my/get-in-touch/locate-us>



13

Adakah terdapat sebarang perubahan kepada alamat perniagaan / surat-menyurat syarikat?

14

Apakah laman web baharu syarikat?

Domain laman web korporat kami pada masa ini ialah

www.aham.com.my

15

Adakah akaun media sosial syarikat juga akan berubah?

Ya. Akaun media sosial baharu syarikat juga telah ditukar seperti berikut:-



ahamcapital



ahamcapital



AHAM Capital



AHAM Capital



aham.com.my

AHAM Asset Management Berhad

(Dahulu dikenali sebagai Affin Hwang Asset Management Berhad)

Nombor Pendaftaran: 199701014290 (429786-T)

Ground Floor, Menara Boustead, 69 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas Tol: 1800 88 7080 T: +603 2116 6000 F: +603 2116 6100